

Malaysia sambut baik Iraq terima resolusi PBB

UM 15 NOV 2002

PUTRAJAYA 14 Nov. — Malaysia menyambut baik keputusan Iraq menerima resolusi baru Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk bekerjasama dengan pemeriksaan senjata tetapi meragui sama ada ancaman peperangan terhadap Baghdad telah selesai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, dakwaan-dakwaan lain akan dibuat terhadap Iraq bagi mewartakan tindakan ketenteraan dikenakan terhadapnya.

"Buat masa ini, keadaan lega

seketika sehinggalah Amerika Syarikat merasakan (Iraq) bukan lagi satu ancaman," katanya pada satu majlis dialog dengan 31 anggota Kelab Akhbar Kebangsaan Jepun di sini hari ini.

Membantah

Dr. Mahathir berkata, Malaysia membantah sebarang tindakan ketenteraan diambil terhadap Iraq kerana itu akan membuat lebih ramai umat Islam menjadi marah.

"Lebih banyak akan menyer-

tai kumpulan pengganas," katanya.

Semalam Iraq bersetuju menerima resolusi Majlis Keselamatan yang menghendaki Baghdad membenarkan pakar senjata dari PBB memeriksa tanpa sekatan mana-mana tempat yang disyaki mengeluarkan senjata kimia dan nuklear, kerana jika tidak, ia akan menghadapi kesannya.

Perdana Menteri berkata, pemeriksa-pemeriksa senjata sebelum ini mengadu bahawa mereka tidak dapat menjalan-

kan tugas kerana dikenakan tekanan supaya menyediakan maklumat yang tidak relevan dengan tugas mereka.

Beliau berharap kali ini para pemeriksa itu akan mengemukakan laporan yang baik untuk mengelak kemungkinan perang.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia tidak bercadang memainkan peranan menonjol dalam isu Iraq ini.

Katanya, beliau telah menulis surat kepada pemimpin-pemimpin kuasa besar seperti Presiden

■ tihat muka 4

Malaysia sambut baik Iraq terima resolusi PBB

Amerika Syarikat George W. Bush, Presiden Perancis, Jacques Chirac dan Canselor Jerman, Gerhard Schroder.

"Apa yang kita buat ialah cuba menjelaskan kepada kuasa-kuasa be-

sar ini tentang bahaya tindakan ketenteraan di Iraq," katanya.

Bagaimanapun, katanya, usaha itu sajalah yang dapat dilakukan kerana Malaysia tidak ada kuasa.

Dr. Mahathir berkata, beliau telah menghubungi negara-negara Islam un-

tuk menjelaskan tentang pentingnya mereka memberi tumpuan kepada masalah dalaman dan membangunkan negara masing-masing.

Namun, katanya, beliau kecewa kerana tidak banyak yang telah dilakukan. — Bernama